

Pemuda tetap pertahan Dr. M

UM 26 OCT 2003

DUNGUN 25 Okt. — Pergerakan Pemuda UMNO tetap mempertahankan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dalam apa jua keadaan ekoran kritikkannya terhadap dunia barat.

Ketuanya, Datuk Hishammuddin Tun Hussein berkata, ini kerana kritikan yang Dr. Mahathir suarakan itu sememangnya mempunyai asas dan fakta yang kukuh.

Tambahan pula, katanya, tidak mungkin Dr. Mahathir mampu dan berani menyuarakan kebimbangan melalui kenyataan-kenyataannya sekiranya setiap kritikan itu tidak berasas dan rakyat sendiri tidak memberi sokongan kepadanya sebagai Perdana Menteri.

“Apa yang kita lakukan dalam Aman Malaysia, apa kita lakukan melalui suara rakyat Malaysia sebenarnya menggambarkan komitmen Pemuda dan rakyat untuk memperjuangkan apa yang pemimpin kita perjuangkan. Kita tetap berada di belakang pemimpin-pemimpin kita.

“Inilah kelebihan yang ada pada Dr. Mahathir kerana sebahagian daripada kekuatannya datang daripada kita, rakyat akar umbi yang memberikan beliau keyakinan menyuarakan ketidakadilan dan penindasan dengan apa yang berlaku di dunia hari ini,” katanya.

Hishammuddin berucap demikian ketika melan-

carkan Kempen Perangi Dadah Habis-Habisan Peringkat Belia dan Sekretariat Rakan Muda Sektor Kemajuan Tanah di Ketengah Jaya, dekat sini, semalam.

Beliau mengulas tindakan pihak media barat yang kini terus melabelkan Dr. Mahathir sebagai anti-Yahudi apabila beliau menyatakan ‘orang Eropah membunuh enam juta daripada 12 juta Yahudi, tetapi hari ini orang Yahudi memerintah dunia menggunakan proksi.’

Laporan itu menerima reaksi negatif serta-merta dari beberapa pemimpin dunia terutama Amerika Syarikat (AS) dan sekutu kuatnya, Israel serta Australia dan Kesatuan Eropah.

Dalam reaksi balasnya, Dr. Mahathir berkata, berdasarkan reaksi dunia terhadap ucapannya pada sidang kemuncak OIC itu, memang benar orang Yahudi menguasai dunia.

Berhubung tindakan sebuah kumpulan lobi Yahudi di AS mencadangkan memboikot pelaburan di Malaysia, Hishammuddin percaya ia merupakan satu tindakan yang mahu menakutkan rakyat negara ini.

“Mereka berbuat demikian kerana mereka bimbang setiap kritikan yang disuarakan oleh pemimpin-pemimpin kita sebenarnya merupakan fakta serta kenyataan.

“Bagaimanapun saya percaya dengan semangat negara kita yang merdeka, dengan adanya pemim-

pin-pemimpin kita sekarang, hak negara dapat kita pertahankan apatah lagi Duta AS, Marie T Huhtala menganggap perkara ini keterlaluan,” katanya.